

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : SEMPENA MALAM MAKSAK 1996
Lokasi : BALLROOM HOTEL RENAISSANCE, KUALA LUMPUR
Tarikh : 15-12-1996

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur Majlis, terutamanya kepada Y.Bhg. Datuk Mohd Zaman Khan dan Ahli-ahli Jawatankuasanya di atas kejayaan menganjurkan Malam MAKSAK 1996 pada tahun ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran para tetamu serta ahli-ahli Badan Gabungan MAKSAK yang selama ini sentiasa memberi sokongan padu kepada MAKSAK Kebangsaan dalam menganjurkan aktiviti-aktivitinya.

2. Malam MAKSAK mempunyai tradisinya yang tersendiri. Majlis seumpama ini yang telah dimulakan sejak tahun 1990 adalah merupakan acara kemuncak kepada siri aktiviti serta program yang dianjurkan oleh MAKSAK Kebangsaan untuk tahun tersebut. Ia menjadi suatu simbol perpaduan dan kerjasama di kalangan seluruh ahli keluarga MAKSAK.

Ia juga memberi kesempatan kepada seluruh warga MAKSAK untuk mengeratkan persahabatan dan memperbaharui tekad untuk terus maju dalam bidang kerja, di samping menanamkan azam untuk berkecimpung secara lebih aktif dalam aktiviti-aktiviti MAKSAK di tahun-tahun akan datang.

3. Mengimbas kembali pengalaman MAKSAK di sepanjang tahun 1996, sebanyak 28 aktiviti utama di peringkat kebangsaan telah dianjurkan. Dari jumlah ini, sebanyak 17 aktiviti telah dikelolakan oleh Badan-Badan Gabungan secara bergilir-gilir, dan bakinya pula dilaksanakan oleh Urusetia MAKSAK Kebangsaan sendiri. Saya telah difahamkan bahawa pada keseluruhannya, didapati mutu penganjuran telah meningkat. Walaupun terdapat beberapa masalah kecil dari segi penganjuran, aktiviti-aktiviti MAKSAK telah mampu menarik penyertaan yang baik serta mewujudkan kemeriahan dan semangat saingan yang sihat. Saya berharap pada tahun hadapan, Badan-Badan Gabungan akan lebih nekad untuk meningkatkan lagi tahap serta mutu penganjuran masing-masing.

Muka-muka baru perlulah diketengahkan agar lebih ramai di kalangan anggota perkhidmatan awam dapat didedahkan kepada unsur-unsur kepimpinan dan tatacara interaksi yang sihat. Pengalaman yang diperolehi nanti dapat memastikan kesinambungan dalam mutu dan tahap penganjuran aktiviti MAKSAK Kebangsaan diperingkat Urusetia dan Badan-Badan Gabungannya di masa akan datang. Tunjukajar dan penceburan oleh golongan pelapis MAKSAK ini adalah di antara cara menggalakkan mereka untuk membuahkan idea-idea demi untuk mempertingkatkan kecemerlangan MAKSAK di samping melahirkan sifat bangga dan cintakan Perkhidmatan Awam. Di samping itu, semangat perpaduan dan kekitaan yang tersemat melalui aktiviti-aktiviti MAKSAK seterusnya diharap dapat melahirkan golongan pegawai serta kakitangan yang berdisiplin, cekal, kompetitif dan berinovasi yang sangat-sangat diperlukan untuk menyedia dan memperlengkapkan Perkhidmatan Awam ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

4. Saya ingin mengingatkan bahawa kejayaan penganjuran sesuatu aktiviti MAKSAK diperingkat negeri banyak disandarkan kepada komitmen jitu daripada Kerajaan Negeri itu sendiri. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menghulurkan rasa terima kasih bagi pihak keluarga MAKSAK kepada kesemua Kerajaan Negeri yang terlibat, di atas segala bantuan terutamanya dari segi kewangan, protokol dan logistik. Saya turut juga merakamkan rasa bangga atas kesudian beberapa orang Menteri Besar dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri di atas kemurahan hati mereka memberi sokongan padu untuk menjamin kejayaan aktiviti-aktiviti MAKSAK di peringkat negeri.

5. Perkhidmatan Awam Malaysia pada keseluruhannya masih muda jika dibandingkan dengan apa yang terdapat di beberapa negara di Eropah dan Asia.

Namun begitu, berkat pelaksanaan program modenisasi dan pembangunan sosio-ekonomi negara, Perkhidmatan Awam Malaysia telah menimba berbagai pengalaman penting sebagai agen pelaksana bagi merealisasikan hasrat dan Wawasan Kerajaan itu. Selaras dengan perkembangan ini, Perkhidmatan Awam juga telah melaksanakan program pembaharuan pengurusan pejabat dan perkhidmatan kepada orang awam bagi mengimbangi arus kemajuan ini. Di peringkat pengurusan pejabat, konsep MS ISO

9000, teknologi maklumat serta otomasi pejabat diperkenalkan demi melahirkan daya produktiviti dan hasil kerja yang berkualiti yang dapat memenuhi citarasa pelanggan. Dari segi pembangunan sumber manusia pula, berbagai program berkumpulan seperti KMK dan TQM diwujudkan demi melahirkan sesebuah yunit pekerja yang berwibawa, bekerjasama serta bersatupadu yang mampu mempertingkatkan daya hasil dalam pasukan atau organisasi itu.

6. Dalam usaha ini juga, MAKSAK sebagai satu entiti dalam Perkhidmatan Awam telah membuktikan keupayaannya untuk bersama-sama mendukung hasrat Kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja yang sihat, berwawasan dan aktif melalui peningkatan tahap fizikal, mental, kerohanian dan perwatakan. Saya harap program-program MAKSAK di masa depan akan dapat diperkembangkan lagi agar dapat disesuaikan dengan kehendak Perkhidmatan Awam untuk melahirkan generasi pekerja yang dedikasi dan komited terhadap pembangunan agama, bangsa dan negara.

7. Melalui program sukan dan kesenian, MAKSAK telah mampu melahirkan beberapa jaguh sukan dan bakat seni hingga berjaya mengharumkan nama negara di dunia luar. Kegemilangan mereka ini terutamanya di lapangan sukan adalah hasil dari semangat waja dan kecekalan mereka untuk mencapai tahap kejayaan yang setinggi-tingginya, walaupun masih memikul beban tanggungjawab sebagai seorang anggota Perkhidmatan Awam. Saya berharap pencapaian mereka ini dapat ditauladani serta memberi dorongan untuk anggota-anggota lain mencurahkan usaha maksima agar kecemerlangan yang diimpikan mampu dicapai juga.

8. Seperti di tahun-tahun lepas, Majlis ini memberi kita peluang untuk mengimbas kembali pencapaian MAKSAK serta memberi penghormatan kepada beberapa tokoh yang telah memberi sumbangan yang amat berharga kepada kejayaan MAKSAK selama ini.

Memanglah wajar di majlis ini disampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.Bhg. Tan Sri Dato Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Wan Abdul Rahman bin Wan Yaakub, Y.Bhg.

Dato' Haji Abdul Wahab Adam dan Yang Berusaha Encik Kassim Boon di atas segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan demi kejayaan MAKSAK selama ini.

9. Majlis MAKSAK 1996 ini juga amat bermakna kerana tahun ini merupakan ulangtahun ke 40 penubuhan MAKSAK Malaysia. Majlis turut bermegah dengan kehadiran beberapa tokoh lama yang telah bersama-sama berjuang membawa MAKSAK ke tahap kecemerlangan yang dapat dibanggakan pada hari ini.

Semoga kepimpinan baru MAKSAK akan dapat mencontohi komitmen serta menimba pengalaman daripada para pemimpin lama kita agar MAKSAK mampu terus mempertingkatkan pencapaiannya.

10. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa kos penganjuran Malam MAKSAK 1996 adalah ditanggung sepenuhnya oleh MAKSAK Malaysia. Bayaran jamuan ini adalah dibuat melalui perolehan sewaan pertama yang diterima dari Kompleks MAKSAK yang telah memulakan perniagaan secara resmi pada bulan Oktober 1996 lepas. Kompleks MAKSAK adalah lambang kejayaan MAKSAK yang memenuhi segala harapan ahlinya supaya MAKSAK terus berjaya di dalam segala lapangan yang diceburinya.

11. Akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua hadirin di majlis pada malam ini. Semoga perjumpaan ini dapat mengingatkan kembali tentang penglibatan kita di dalam aktiviti-aktiviti MAKSAK baik di peringkat pusat maupun negeri, di samping mempererat lagi jalinan kerjasama di antara MAKSAK Kebangsaan dan Badan-Badan Gabungannya. Kepada mereka yang menerima anugerah pada malam ini, saya berharap kejayaan tersebut dapat dijadikan tonggak pencapaian yang lebih cemerlang di masa hadapan.